

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	01/06/2012

Senator AS akui Malaysia model negara Islam

Amerika Syarikat iktiraf sistem
demokrasi, kemajuan ekonomi

Oleh Syed Azwan Syed AM
syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia adalah negara Islam contoh yang mengamalkan demokrasi tetapi berjaya mencapai kemajuan membanggakan, terutama dari segi pembangunan ekonomi.

Itulah pandangan dua senator berpengaruh dari Amerika Syarikat (AS), John McCain dan Joseph Lieberman yang berada di negara ini atas jemputan Kuala Lumpur Business Council.

Menurut mereka, di bawah kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak, hubungan dua hala dengan AS juga semakin baik selain negara turut mencapai kemajuan signifikan dalam politik dan pembangunan sosial.

McCain, senator dari Arizona, berkata Malaysia boleh menjadi model negara Islam yang berjaya mencapai kemajuan selepas ia menerima kebebasan hak dan demokrasi.

Katanya, penerimaan 18 daripada 22 syor bagi menambahbaik sistem pilihan raya di negara ini menunjukkan kerajaan Malaysia serius melakukan reformasi dalam proses pilihan raya supaya lebih adil dan

bersih selain sedia berdialog dengan pembangkang.


"Kami tahu perlu ada lagi penambahan seperti dituntut pembangkang. Kami menggalakan lebih banyak dialog antara kerajaan dan pembangkang kerana tanda demokrasi yang matang ialah dialog sihat antara semua pihak terbabit," katanya pada sidang media khas anjuran Kedutaan Amerika Syarikat di sini, semalam.

Hadir sama wakil khas Malaysia ke AS, Datuk Seri Jamaluddin Jajjis.

McCain dan senator dari Connecticut, Lieberman dalam rangka lawatan tiga hari ke sini bermula kelmarin.

McCain yang berkesempatan bertemu dengan Perdana Menteri dan wakil pembangkang serta beberapa tokoh perniagaan, berkata pihaknya akan membantu Malaysia melakukan reformasi dalam proses pilihan raya.

Mengulas isu sama, Lieberman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri Senat, menyifatkan kerajaan pimpinan Najib berada dalam landasan betul untuk memperkasakan amalan demokrasi namun perlu melakukan beberapa penambahan.



in McCain

Katanya, demokrasi adalah perjalanan panjang yang tidak mempunyai destinasi akhir sehingga demokrasi itu dilihat adil dan telus.

"Kita berharap kerajaan mengizinkan pemerhati luar negara memantau pilihan raya akan datang sebagai tanda keyakinan (kepada semua pihak)," katanya.

Lieberman berkata, kehadiran pemerhati luar meyakinkan ketelusan perjalanan pilihan raya negara.

Pada sidang media itu, kedua-dua senator terbabit turut ditanya beberapa isu berbangkit termasuk isu keganasan di Syria dan pendirian negara kuasa besar itu terhadap kebangkitan China di rantau ini.

Mengenai isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan, McCain berkata pihaknya berkongsi pandangan Malaysia bahawa isu itu perlu diselesaikan secara multilateral antara China dan semua negara terbabit.

Ditanya mengenai keganasan di Syria, beliau mendakwa rejim Presiden Bashar Assad menggunakan tentera sebagai 'instrumen' mengawal keadaan dan sudah tiba masanya untuk tindakan diambil, termasuk membekalkan senjata kepada kumpulan penentang kerajaan.